

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Tuesday, November 13, 2018 10:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Youth Got Talent Tarik Minat Generasi Muda



(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

13 NOVEMBER 2018, SELASA | 05 RABIULAWAL 1440H



HEP: UUM Youth Got Talent anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) yang berlangsung pada 11 November baru-baru ini bertempat di Pentas Utama tapak Pesta Konvokesyen UUM kali ke-31 telah berjaya menarik minat generasi muda dan satu pendekatan yang baik dalam memberi peluang kepada mahasiswa tonjolkan bakat.

UUM Youth Got Talent adalah pertandingan di mana mahasiswa perlu mengadakan persembahan atau menunjukkan bakat mereka dalam bidang nyanyian, tarian, akrobatik, permainan pergendangan, seni bela diri, bermain alat muzik, pertunjukkan magik dan persembahan lain yang dapat menunjukkan bakat yang unik dan kreatif.

Selain itu, tujuan program ini adalah untuk menyediakan landasan yang tepat kepada mahasiswa UUM untuk mengembangkan bakat mereka.

Pertandingan ini dimenangi oleh kumpulan FY Gen yang mempersembahkan tarian moden. Manakala tempat kedua pula disandang oleh kumpulan K-Drum yang mempersembahkan Gendang 24 Musim dan ketiga oleh kumpulan Danserversity yang juga mempertaruhkan tarian moden.

Mereka masing-masing berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai, trofi dan sijil.

Menurut Pengarah PBS, Huzaidy Hussain pertandingan kali ini memberi peluang kepada semua mahasiswa UUM untuk menonjolkan bakat-bakat mereka tidak kira dari segala segi.

“saya melihat mahasiswa UUM memang berbakat dan begitu komited dalam membuat persembahan kerana pertandingan adalah sangat menarik dan begitu sengit.

Huzaidy berkata, UUM Youth Got Talent adalah satu pertandingan yang menarik dan sekali gus dapat mencungkil bakat dan kebolehan mahasiswa.

“Di dalam era yang semakin mencabar sekarang, mahasiswa bukan sahaja perlu cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga dalam kegiatan ko-kurikulum,” tambah beliau.

“Justeru, melalui pertandingan seperti ini menjadi nilai tambah kepada mahasiswa dalam meningkatkan bakat dan kemahiran insaniah yang secara tak langsung menyumbang kepada modal insan negara,” jelas beliau lagi.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.